

20 OCT 2001

Mahathir-Persidangan

KEBANYAKAN PEMIMPIN DUNIA SETUJU DIADAKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA

Oleh: Mohd Kamel Othman & Ridzuan Zulkifli

SHANGHAI, 20 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kebanyakan pemimpin yang ditemuinya sempena mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini bersetuju agar satu persidangan antarabangsa diadakan bagi membincang dan menyelesaikan soal keganasan.

"Kebanyakan pemimpin berpendapat bahawa persidangan seumpama itu perlu diadakan," katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini ketika ditanya reaksi pemimpin dunia berhubung saranannya supaya diadakan persidangan antarabangsa membincang soal keganasan.

Dr Mahathir berkata walaupun beliau tidak menekankan mengenai persidangan antarabangsa itu dengan pemimpin-pemimpin yang ditemuinya, namun sebahagian besar ia perlu dilakukan untuk memerangi penganas.

Hari ini, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Amerika Syarikat George W. Bush, Presiden Rusia Vladimir Putin, Presiden China Jiang Zemin dan Presiden Mexico Vicente Fox.

Dr Mahathir dijangka mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi pada Isnin.

APEC yang diwujudkan pada 1989 dianggotai Australia, Brunei, Canada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Peru, Rusia, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.

"Saya memberi contoh Tentera Republikan Ireland (IRA) yang dianggap sebagai penganas oleh kerajaan Britain namun tidak sedemikian di Amerika Syarikat," kata Perdana Menteri.

Malah, ramai warga Amerika berketurunan Ireland yang menyokong IRA, kata beliau.

"Jadi kita hendak tahu siapa sebenarnya penganas bagi membolehkan dunia untuk bertindak," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai perbincangannya dengan Jiang, Perdana Menteri berkata Presiden China itu cuma hendak mendengar pendapatnya mengenai soal keganasan dan telah menjelaskan sepenuhnya pendirian Malaysia.

Mengenai perbincangannya dengan Putin, Dr Mahathir berkata mereka membincangkan topik yang sama dan telah menekankan kepada Presiden Rusia itu betapa pentingnya untuk mengenal pasti punca masalah keganasan.

"Kita bersetuju mengenai perkara itu (mengenal pasti punca masalah keganasan)," katanya.

Menurutnya, Putin juga bersimpati dengan masalah yang menimpa Presiden Palestin Yasser Arafat dan rakyat Palestin.

Bagaimanapun, Putin yang mahu masalah di Asia Barat diselesaikan bersikap berhati-hati memandangkan satu pertiga daripada penduduk Israel merupakan Yahudi berketurunan Rusia.

-- BERNAMA

MKO RBZ FR AFY FAZ